Praktis Pengukuhan 1

Betulkan kesalahan kata hubung yang digariskan dalam ayat-ayat di bawah.

1 Aktiviti riadah boleh menyegarkan badan dengan melapangkan fikiran melalui aktiviti yang menghiburkan hati. (_____)

2 Bakal graduan perlu menjalani latihan industri sekiranya dapat mengetahui lebih lanjut tentang kehendak semasa melakukan pekerjaan. (_____)

3 Maliki berhasrat untuk mengusahakan penternakan udang harimau lantas permohonan pinjamannya diluluskan. (_____)

4 Walaupun sudah tiga kali Ranjit menduduki ujian memandu, kerana dia masih gagal. (_____)

5 Sekiranya laporan yang dikemukakan oleh orang ramai itu benar, lalu tindakan tegas hendaklah diambil terhadap individu yang melakukan kesalahan tersebut. (_____)

6 Wajah Danial berseri-seri sekiranya permohonannya untuk mendapatkan biasiswa bagi melanjutkan pelajaran berjaya. (_____)

7 Walaupun hidup dalam kedaifan, namun Lisa nekad agar keluar dari kepompong kemiskinan dengan belajar bersungguh-sungguh. (_____)

8 Han Lun ingin membeli jersi bola sepak pasukan Manchester United tetapi dia tidak mampu supaya harganya mahal. (_____)

9 Diana menangis dengan teresak-esak andai kata kehilangan kucing yang sudah lama dipeliharanya. (_____)

10 Bukan sahaja isterinya tidak dipedulikannya, atau anak-anaknya juga tidak dihiraukannya. (_____)

11 Halim berpendapat yang berniaga sendiri lebih baik daripada makan gaji. (_____)

12 Tian Eng merajuk kalau emaknya tidak membelikannya mainan. (_____)

13 Baju kurung untuk dipakainya itu dijahit oleh Mak Usunya. (_____)

14 Samuel tetap akan menyertai pertandingan nyanyian itu sama ada ibu bapanya bersetuju dan tidak. (_____)

LIVEWORKSHEETS